

28 APR 1996

Aidiladha (rangkuman)

AIDILADHA DISAMBUT SEDERHANA DI SELURUH NEGARA

KUALA LUMPUR, 28 April (Bernama) -- Umat Islam di seluruh negara hari ini, menyambut Adiladha dalam suasana sederhana.

Sejak awal pagi lagi, umat Islam seluruh negara memenuhi masjid untuk menunaikan solat sunat Aidiladha serta melawat saudara mara.

Aidiladha kali ini juga disambut serentak dengan tiga negara Asean lain iaitu Singapura, Indonesia dan Brunei setelah tarikhnya ditentukan mengikut kaedah hisab dan rukyah yang diselaraskan.

Beratus-ratus ekor lembu, kambing dan kerbau dikorbankan di masjid-masjid dan surau seluruh negara sempena Adiladha yang juga dikenali di sini sebagai Hari Raya Korban ataupun Hari Raya Haji .

Di KUALA LUMPUR, beribu-ribu umat Islam memyempurnakan solat Aidiladha di Masjid Negara.

Beberapa buah masjid juga menjalani ibadat korban secara gotong-royong. Antaranya ialah Masjid Al-Firdaus Segambut Dalam, Masjid Al- Ubudiah Segambut Luar, Masjid Al-Khadijah Pantai dan Masjid Al-Rahman Kampung Kerinchi.

Di Masjid Jamek, Kampung Baru sahaja sebanyak 45 ekor lembu disembelih.

Setiausaha Jawatankuasa Masjid itu, Haji Shaari Ibrahim berkata jumlah ini bertambah berbanding sebanyak 34 ekor tahun lalu dan menunjukkan meningkatnya kesedaran tentang korban yang dianjurkan oleh Islam.

Katanya, sebanyak kira-kira 3,500 fakir miskin, anak yatim dan orang ramai akan menerima daging korban yang antaranya disumbangkan oleh orang-orang kenamaan sekitar bandaraya ini.

Seramai 120 orang penduduk kampung berkenaan katanya ditugaskan untuk menjalankan kerja-kerja menyembelih dan melapah lembu dan kerja itu dijangka tamat kira-kira pukul 7 petang nanti.

Di KUALA TERENGGANU, Sultan Terengganu bersama kira-kira 2,000 umat Islam menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Abidin di sini, pagi ini.

Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, kerabat-kerabat diraja dan pembesar-pembesar negeri turut bersembahyang di masjid itu.

Sultan, Wan Mokhtar dan kerabat-kerabat diraja kemudian menziarahi makam diraja di perkarangan masjid dan membaca tahlil selepas sembahyang sunat itu.

Di JOHOR BAHARU, Sultan Johor berkenan menunaikan sembahyang sunat Hari Raya di Masjid Pasir Pelangi bersama kira-kira 6,000 umat Islam.

Turut berangkat ialah Tunku Mahkota Johor dan Tunku Bendahara Johor.

Speaker Dewan Undangan Negeri, Haji Ali Hassan, Exco Kanan Kerajaan Negeri, Datuk Zainal Abidin Mohamad Zin serta para pegawai kanan kerajaan hadir sama.

Para anggota Exco Kerajaan Negeri serta anggota Dewan Undangan Negeri yang beragama Islam juga mengadakan rumah terbuka di kawasan masing-masing.

Di KANGAR, Raja dan Raja Perempuan Perlis menunaikan sembahyang sunat Aidiladha bersama rakyat jelata di Masjid Negeri, Arau dekat sini.

Baginda berdua kemudiannya berkenan menerima mengadap para pembesar, pemimpin masyarakat dan rakyat berbilang kaum selama dua jam pada majlis rumah terbuka di Istana Arau mulai pukul 9.30 pagi.

Turut mengadakan rumah terbuka ialah Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim di kediaman keluarganya di Tambun Tulang mulai pukul 9.30 pagi hingga 5 petang.

Majlis berkenaan dikendalikan oleh keluarga Menteri Besar kerana ketika ini Shahidan dan isteri, Datin Seri Shamsiah Mohd Yassin sedang menunaikan

fardu Haji.

Sementara itu, Raja Muda Perlis selaku Yang Dipertua Majlis Agama Islam Perlis (MAIPs) dalam perutusan Aidiladha yang dibacakan di semua masjid dan surau menggesa umat Islam meningkatkan pengorbanan berteraskan Islam demi kepentingan sejagat.

Di KUALA KANGSAR, Sultan Perak Sultan Azlan Shah berangkat menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Ubudiah Bukit Chandan.

Turut hadir ialah Menteri Besar Perak Tan Sri Ramli Ngah Talib.

Baginda selepas itu menziarahi makam diraja yang terletak berhampiran dengan masjid sebelum menghadiri jamuan di Balai Santapan Istana Iskandariah di sini.

Baginda dan Raja Permaisuri Tuanku Bainun dijangka menghadiri majlis jamuan teh rakyat di perkarangan istana petang ini.

Masjid-masjid dan surau-surau di negeri ini juga mengadakan majlis korban sempena sambutan itu.

Di Kuching, Yang Dipertua Negeri Sarawak Tun Haji Ahmad Zaidi Aduce Mohammed Noor bersolat sunat Hari Raya Aidiladha bersama lebih 2,000 umat Islam di masjid bahagian Kuching pagi ini.

Turut menunaikan solat sunat Hari Raya ialah Menteri Pembangunan Perindustrian Sarawak Datuk Abang Johari Tun Abang Haji Openg.

Walaupun Aidiladha tidak diraikan dengan meriah di sini, amalan kunjung-mengunjung tetap diamalkan walaupun ianya terhad kepada saudara-mara sahaja.

Di ALOR SETAR, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta Isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Besar Tan Sri Osman Aroff bersama lebih 2,000 umat Islam hari ini menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Zahir, di sini.

Sultan Kedah serta Sultanah juga turut berangkat menunaikan solat di masjid yang sama.

Selepas bersembahyang para jemaah tidak melepaskan peluang untuk bersalaman dengan Dr Mahathir.

Walaupun hujan renyai turun pada awal pagi, ia tidak menghalang umat Islam keluar beramai-ramai ke masjid bagi menunaikan solat sunat itu dan selepas itu mengadakan upacara korban.

Perdana Menteri akan mengadakan rumah terbuka di Dewan Jitra mulai pukul 10 pagi hingga 3 petang hari ini. Beliau yang tiba dari Kuala Lumpur petang semalam menyerahkan empat ekor lembu untuk dikorbankan.

DI SHAH ALAM, beribu-ribu umat Islam menyempurnakan solat Aidiladha di Masjid Negeri dan juga di masjid-masjid lain.

Menteri Besar Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib pula menunaikan solat Aidiladha di Masjid Batang Kali bersama-sama dengan lebih 500 orang umat Islam. Beliau kemudian turut sama dengan umat Islam menjalankan ibadat korban secara gotong-royong.

Antara masjid lain yang menjalankan ibadat korban itu ialah Masjid Seksyen 18 yang mana 11 ekor lembu dikorbankan dan di Masjid Seksyen 16 tujuh ekor lembu.

Di KUANTAN, Menteri Besar Tan Sri Khalil Yaakob menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Kampung Jaya Gading di sini.

Beliau turut menyampaikan tujuh ekor lembu di beberapa masjid di negeri ini termasuk tiga ekor di Masjid Kampung Jaya Gading serta meluangkan masa melihat penyembelihan dan pengagihan daging lembu itu.

Tengku Mahkota Pahang Tengku Abdullah Sultan Haji Ahmad Shah pula berangkat menunaikan solat Aidil Adha di Masjid Baru, Sungai Karang Pantai di sini.

Di KOTA KINABALU, Yang Dipertua Negeri, Tan Sri Sakaran Dandai menyertai kira-kira 7,000 umat Islam menunaikan sembahyang sunat Aidiladha di Masjid Negeri di sini.

Beliau bersama isterinya Puan Sri Rukaiyah Panglima Abdullah kemudian menerima kunjungan orang kenamaan negeri, diplomat asing dan orang ramai pada pukul 10 pagi di kediaman mereka di Istana Negeri.

Sementara itu Ketua Menteri Datuk Salleh Said Keruak menunaikan solat di Masjid Daerah Kota Belud, kira-kira 80 km dari sini.

Hari Raya Korban di Sabah disambut sederhana tahun ini dengan tradisi kunjung-mengunjungi rumah turut disertai oleh pelbagai keturunan.

Di MELAKA, Yang Dipertua Negeri Tun Syed Ahmad Shahabuddin bersolat Hari Raya bersama-sama lebih 7,000 umat Islam di masjid negeri Al-Azim, di sini yang diimamkan oleh Imam Besar Masjid itu, Haji Yusof Musa.

Sebanyak 16 ekor lembu dikorbankan di perkarangan masjid berkenaan yang kemudiannya disedekahkan kepada golongan miskin di negeri ini.

Sementara itu, Ketua Menteri, Datuk Seri Mohamad Zin Abdul Ghani bersembahyang sunat Aidiladha di Masjid, Melekek Luar, Alor Gajah.

Di KOTA BAHARU, Sultan dan Raja Perempuan Kelantan menunaikan sembahyang sunat Aidiladha bersama kira-kira 3,000 umat Islam di Masjid Muhammadi di sini, pagi ini.

Yang turut serta ialah kedua-dua Timbalan Menteri Besar, Haji Abdul Halim Abdul Rahman dan Datuk Rozali Isohak serta Presiden Parti Melayu Semangat 46 Tengku Razaleigh Hamzah.

Sejurus selepas menunaikan solat, Sultan dan keluarga diraja serta pemimpin

-pemimpin negeri mengunjungi Tambatan Diraja di sini yang terletak bersebelahan masjid bagi menyaksikan upacara korban 30 ekor lembu sumbangan baginda dan keluarga, pemimpin negeri dan individu.

Upacara menyembelih lembu itu diuruskan oleh Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Kelantan Datuk Haji Yusoff Mohd Othman.

Di PULAU PINANG, Yang Dipertua Negeri Tun Dr Hamdan Sheikh Tahir bersama ribuan umat Islam menunaikan solat sunat Aidiladha di Masjid Negeri di sini.

Beliau kemudiannya mengikuti khutbah hari raya yang disampaikan oleh Mufti Negeri, Datuk Sheikh Azmi Ahmad.

Umat Islam yang berjemaah di masjid itu mengambil kesempatan untuk bersalam-salaman dengan Tun Dr Hamdan. -- BERNAMA

TEAM PR